

Peranan Program Pembudayaan Al-Quran Bagi Pekerja Am Kontrak di UiTM Cawangan Kelantan

The Role of Al-Quran Cultivation Program for Contract General Workers at UiTM Kelantan Branch

Shafiza Safie¹, Zulkifli Mohamed² & Hishamudin Mohamad Twontawi³

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), MARA University of Technology Kelantan, 18500, Malaysia, e-mail: shafizasafie@uitm.edu.my

² MARA University of Technology Kelantan, 18500, Malaysia, e-mail: zulkifli030@uitm.edu.my

³ MARA University of Technology Kelantan, 18500, Malaysia, e-mail: hisham@uitm.edu.my

ABSTRAK

Warga universiti terdiri daripada pelajar, staf akademik, staf pentadbiran serta pekerja am kontrak. Kebanyakan aktiviti universiti terfokus kepada kumpulan pelajar, staf akademik dan pentadbiran sahaja. Pendidikan kepada kumpulan pekerja am kontrak biasanya terpinggir. Bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni, pendidikan nilai yang berasaskan al-Quran perlu diberikan kepada semua pihak bagi memantapkan pembinaan keimanan dan keperibadian diri. Sehubungan itu UiTM Cawangan Kelantan telah mewujudkan program pembudayaan al-Quran yang melibatkan semua warga universiti termasuk kumpulan pekerja am kontrak. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan Program Pembudayaan Al-Quran terhadap kumpulan pekerja am kontrak dalam menanam minat mereka terhadap pengajian al-Quran dan implikasi daripada kelas yang dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual pihak-pihak yang terlibat dan juga pekerja am kontrak di samping menggunakan metode dokumentasi. Hasil kajian mendapati peranan yang dimainkan oleh Universiti menerusi Program Pembudayaan Al-Quran khususnya dengan mengadakan kelas pengajian al-Quran secara percuma telah membuka ruang yang luas untuk mereka menambahkan pengetahuan tentang Al-Quran, kemahiran membaca Al-Quran dan motivasi untuk beramal dengan ajaran Al-Quran. Ini membawa implikasi positif dalam memupuk minat golongan pekerja am kontrak untuk terus membudayakan pengajian al-Quran dalam kehidupan seharian mereka.

Kata Kunci: Program; Pembudayaan Al-Quran; UiTM Cawangan Kelantan; Pekerja; Kontrak

ABSTRACT

University residents consists of students, academician, administrative staff and also the contract workers. Most of the organised activities are focused on students, lecturers and administrative staff. Education involving contract workers group is usually marginalized. In order to create a prosperous and harmonious society, Quranic education value must be given to all parties to strengthen the faith and self-esteem. In this regard, UiTM Kelantan Branch has created an Al-Quran Cultivating Program that involves all residents, including contract workers. This study aimed to look at the role of the program towards cultivating Quranic interest among the group of contract workers. This study adopted qualitative method by interviewing the parties involved and also using the documentation method. The results revealed that the role plays by the university through the Al-Quran Cultivation Program, especially the free Quran's classes, has provided opportunity for them to improve their Quranic knowledge, reading skills and motivation to bind with the teachings of the Al-Quran. The program has positive impact in cultivating the interest in Quranic among the contract workers in their daily lives.

Keywords: Program; Al-Quran Cultivation; UiTM Kelantan Branch; Employees; Contract

1. Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci yang bermukjizat dan terakhir diturunkan kepada umat manusia untuk diimani dan diamalkan isi kandungannya. Ia merupakan petunjuk dan rahmat bagi umat manusia di alam ini. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 204:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝

Terjemahan: Dan apabila dibacakan al-Quran, maka hendaklah kamu semua mendengarnya dan diam, mudah-mudahan kamu semua beroleh rahmat. (al-A'raf, 8: 204)

Ini dapat dilihat menerusi hadis Nabi SAW yang memperumpamakan orang yang membaca al-Quran dengan tumbuhan yang baik lagi bermanfaat. Ini sebagaimana hadis riwayat al-Bukhārī:

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ. عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالْأُتْرَجَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَرِيحُهَا طَيِّبٌ وَمَثَلُ الَّذِي لَا يَقْرَأُ كَالْثَمَرَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَلَا رِيحُهَا وَمَثَلُ

الْفَاجِرِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الرِّيحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْخَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَلَا رِيحُهَا

Terjemahan: Daripada Abu Musa al-Asya'ari, bahawa Nabi SAW bersabda "Orang mukmin yang membaca al-Qur'an umpama buah al-utrujjah(sejenis buah limau). Baunya harum dan rasanya enak. Orang mukmin yang tidak membaca al-Qur'an umpama buah kurma, ia tidak mempunyai bau tetapi rasanya sedap dan manis. Orang munafiq yang membaca al-Qur'an umpama buah raihanah(sejenis pokok). Baunya sedap tetapi rasanya pahit. Orang munafiq yang tidak membaca al-Qur'an umpama petola atau labu, ia tidak mempunyai bau dan rasanya pahit."

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no.hadith: 5020]

Selain itu al-Quran juga akan memberi syafaat di akhirat kepada mereka yang membacanya di dunia ini. Allah SWT juga mengangkat darjat orang yang membaca Al-Quran dengan cara istiqamah atau berterusan. Sebaik-baik manusia adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya kepada orang lain. Ini sebagaimana hadis riwayat al-Bukhārī:

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ السُّلَمِيِّ، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَفْضَلَكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Terjemahan: Daripada Abdul Rahman al-Sulami, daripada Uthman bin Affan beliau berkata: Baginda Rasulullah SAW telah bersabda:“Sebaik manusia di antara kamu adalah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarnya kepada orang lain.”

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no.hadith:5027]

UiTM Cawangan Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan telah beroperasi selama 23 tahun. Ia menawarkan kepelbagaian disiplin ilmu dalam sains sosial, pengurusan perniagaan dan sains matematik. Sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi, Universiti perlu memainkan peranannya dalam menerapkan nilai-nilai murni dan profesional kepada seluruh pelajar, staf dan pekerja dalam organisasinya. Proses pendidikan yang menyeluruh ini akan dapat melahirkan satu budaya keilmuan dan peradaban yang seimbang di dalam organisasi dan melimpahkan natijahnya ke dalam masyarakat. Sebaliknya, sebarang kepincangan dalam melaksanakan proses pendidikan yang menyeluruh ini, ia akan melahirkan natijahnya yang juga pincang dan tidak seimbang. Permasalahan untuk melahirkan natijah pendidikan yang seimbang ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh pengurusan universiti

sebagai sebuah pusat ilmu dan pendidikan yang akan mencorakkan kualiti sesuatu masyarakat dan negara. Perdana Menteri telah meletakkan matlamat perpaduan di antara kaum dan keharmonian di antara masyarakat agama sebagai salah satu matlamat dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Oleh itu, elemen kesyumulan, keterangkuman dan keseimbangan dalam melaksanakan proses pendidikan adalah penting bagi menjamin pembinaan masyarakat yang perihatin, bersatu dan harmoni (Tan Sri Muhyiddin Yassin , 2020).

Menurut Rektor UiTM Cawangan Kelantan iaitu (Profesor Madya Dr Zulkifli Mohamed, 22 Mac 2021), penerapan nilai-nilai murni dalam organisasi memerlukan proses pendidikan dan promosi yang berterusan dan menyeluruh. Sasaran kepada golongan pelajar, staf pentadbiran dan staf akademik selalu diperkatakan. Namun sasaran kepada kumpulan pekerja am kontrak jarang dilakukan ekoran keterasingan mereka dari arus aktiviti perdana dalam mana-mana organisasi. Ekoran daripada itu, berlaku ketirisan fokus dalam usaha membentuk dan menanamkan nilai-nilai murni dalam organisasi dan juga masyarakat. Sedangkan kumpulan ini juga terdedah dengan arus budaya kuning, hedonisme, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Akibatnya, ia akan menjejaskan kesempurnaan pembentukan nilai murni dalam melahirkan masyarakat yang seimbang untuk memacu kesejahteraan dalam komuniti.

Menguasai ilmu al-Quran merupakan asas utama yang menjadi tujuan penurunannya. Menjadi tuntutan dalam agama agar membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan makhrajnya agar tidak terpesong pengertiannya seterusnya membentuk akidah dan akhlak individu (Mohd Ali, 1992). Selain itu, Abdul Halim El-Muhammady (1991) menerangkan bahawa membaca al-Quran dengan betul penting dalam penentuan ibadah yang dilakukan sama ada sah atau sebaliknya. Oleh itu mempelajari dan membaca al-Quran mestilah secara musyafahah iaitu diterima dari mulut ke mulut, seperti Rasulullah SAW menerima al-Quran dari Jibril AS. Menurut Mohd Yusuf (2000) menyatakan bahawa oleh kerana al-Quran merupakan kitab Allah yang dijadikan dustur ummah maka ini juga menjadikan pendidikan al-Quran lebih luas dan lebih mendalam daripada semua falsafah yang dibina. Natijahnya ia mendidik manusia untuk menjadi seorang warganegara yang baik atau pekerja yang mahir, dedikasi serta amanah supaya bekerja bersungguh-sungguh kerana Allah. Selain itu ia juga mendidik makhluk supaya mengenal Pencipta Yang Maha Esa dan mentarbiah manusia ke arah kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Lantaran itu, kajian lanjut dijalankan untuk melihat sejauh mana kesan pendidikan ke atas kumpulan pekerja am dalam program pembudayaan Al-Quran dalam organisasi. Kajian difokuskan kepada pengukuran tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi peserta ke atas pembelajaran Al-Quran.

Objektif kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah peranan Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan dalam menanam

minat para pekerja am kontrak kepada al-Quran khususnya melalui kelas pengajian al-Quran yang diadakan dan implikasi program tersebut. Justeru menyedari akan kepentingan sesebuah institusi dalam membudayakan al-Quran dan menyemai nilai-nilai murni, maka pendekatan *BACA*, *FAHAM*, *AMAL* telah dilaksanakan. Pelaksanaan program dan kajian ini bagi menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi untuk Memacu Kesejahteraan Komuniti dengan melimpahkan keserjanaan universiti kepada masyarakat melalui peluasan aktiviti keilmuan dan pendidikan yang sampai kepada komuniti (Noraini Ahmad, 2021). Program yang dijalankan ini berbentuk pengajian Al-Quran yang dinamakan dengan “Kelas Pengajian Al-Quran kepada golongan pekerja am kontrak” yang dilakukan secara percuma pada setiap hari Sabtu bermula jam 12.30 tengah hari sehingga 2 petang.

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual sama ada secara bersemuka mahupun secara tidak bersemuka. Seramai empat orang dalam kalangan pekerja am kontrak (perkhidmatan cuci bangunan) daripada 13 orang jumlah keseluruhan pekerja am kontrak yang mengikuti pengajian Al-Quran di UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang ditemu bual sebagai responden kajian selaku yang mengikuti kelas pengajian al-Quran yang diadakan di bawah “Pembudayaan Al-Quran” UiTM Cawangan Kelantan. Pemilihan seramai empat responden tersebut melihat kepada kemampuan mereka dalam menjawab kepada objektif kajian. Penolong Jurutera Awam, UiTM Cawangan Kelantan juga turut ditemu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan pekerja am kontrak di UiTM Cawangan Kelantan. Selain itu, Rektor UiTM Cawangan Kelantan dan guru bagi kelas pengajian al-Quran bagi pekerja am kontrak juga diambil yang mana merangkap Penyelaras Pembudayaan Al-Quran. Di samping itu kaedah kepustakaan iaitu melalui metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data digunakan seperti bahan-bahan yang menyokong kajian dan bukti dokumen seperti gambar, poster dan sebagainya daripada pihak pengurusan UiTM Cawangan Kelantan berkaitan kelas ini juga diambil. Manakala bagi metode penganalisaan data, metode induktif dan deduktif digunakan. Metode induktif bermaksud pernyataan daripada khusus kepada umum manakala metode deduktif pula bermaksud sesuatu pernyataan umum kepada khusus (Mohd Micheal Abdullah, 1995). Selain itu metode kualitatif juga digunakan yang mana tidak ditemui dapatan bersifat angka kerana kajian berbentuk kualitatif lebih bersifat dekat dengan data iaitu melalui temu bual.

3. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan peranan universiti dalam membudayakan Al-Quran menerusi Program Pembudayaan Al-Quran iaitu mengadakan kelas pengajian al-Quran bagi pekerja am kontrak dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajian al-Quran dan implikasi dari kelas tersebut terhadap para pekerja am kontrak.

3.1 Peranan universiti dalam membudayakan Al-Quran menerusi Program Pembudayaan Al-Quran terhadap pekerja am kontrak.

Terdapat seramai 6000 orang pelajar dan 750 staf pentadbiran dan akademik pada satu-satu masa. Kerja-kerja pembersihan dalam universiti dibuat secara melantik perkhidmatan kontrak untuk melaksanakannya bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat mendapatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan sosioekonomi setempat. Amanat daripada Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi (2021) untuk universiti memacu kesejahteraan komuniti dengan menyebarkan ilmu kepada masyarakat telah membuka inisiatif untuk melaksanakan program pembudayaan Al-Quran ini. Menurut Penolong Jurutera Awam UiTM Cawangan Kelantan iaitu (Afizu bin Ariffin, 25 Mac 2021) menjelaskan bahawa kumpulan pekerja pembersihan ini berada dalam kumpulan B40 dengan pendapatan isi rumah di bawah RM1100. Inilah juga antara faktor mereka diterima untuk bekerja di UiTM Cawangan Kelantan.

Peranan universiti dalam membangunkan masyarakat tidak dapat disangkal. Universiti sebagai pusat pengembangan ilmu telah melahirkan graduan yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan budaya sesebuah negara. Justeru, proses pendidikan di universiti perlu terus diperkasakan bukan sahaja kepada golongan graduan tetapi juga kepada semua staf akademik dan pentadbiran serta golongan pekerja kontrak yang berada dalam universiti. Proses pendidikan yang menyeluruh kepada semua pemegang taruh ini penting untuk dilaksanakan kerana mereka juga akan menyumbang kepada keberkesanan pendidikan kepada golongan pelajar.

Menyedari akan kepentingan pendidikan ini kepada anggota masyarakat, Amanat tahun 2021 Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi dalam fokus keempat, iaitu Memacu Kesejahteraan Komuniti menekankan tentang keperluan untuk universiti menggiatkan sumbangan *beyond academics* kepada komuniti. Pensyarah dan profesor perlu tampil ke hadapan dengan sumbangan yang lebih besar, iaitu menjadi pakar kepada masyarakat dan negara dalam bidang masing-masing. Sumbangan ini haruslah melimpah keluar dari kampus kepada masyarakat dalam bentuk *spillover effect* dan rakyat dapat menikmati kepakaran mereka.

Perkara ini juga seiring dengan Firman Allah SWT menerusi surah Ali 'Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝١٠٤

Terjemahan: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.”(Āli ‘Imrān, 3: 104)

Sehubungan itu, pengurusan UiTM telah mengeluarkan satu arahan kepada semua universiti kampus dan fakulti agar membudayakan Sudut Bacaan Al-Quran sebagai satu usaha untuk mendekatkan pelajar, staf dan pekerja kepada ajaran Al-Quran. Usaha murni ini telah disambut baik oleh seluruh warga UiTM termasuklah UiTM Cawangan Kelantan. Selari dengan Perancangan Strategik UiTM 2025 (PS2025) yang telah meletakkan nilai universiti iaitu kecemerlangan, sinergi dan integriti sebagai asas kepada yang perlu dihayati oleh semua warga UiTM. Ia menguatkan lagi program ini untuk terus diadakan. Nilai Kecemerlangan menyeru seluruh warga untuk menghasilkan hasil-hasil kerja yang terbaik mengikut bidang masing-masing. Nilai Sinergi pula bertujuan untuk menggalakkan seluruh warga untuk saling bekerjasama di antara kepelbagaian entiti dalam universiti dan juga melaksanakan kolaborasi bersama rakan-rakan strategik dari dalam dan luar negara. Manakala nilai Integriti pula menyeru seluruh warga pelajar, staf dan pekerja untuk tetap mengamalkan sifat amanah, jujur, telus dan bertanggungjawab di dalam skop masing-masing. Nilai-nilai murni ini perlu dipupuk dan dibudayakan sebaik mungkin dalam kalangan semua pelajar, staf dan pekerja kontrak di UiTM.

Menurut Rektor UiTM Cawangan Kelantan iaitu (Profesor Madya Dr Zulkifli Mohamed, 22 Mac 2021), bagi merealisasikan hasrat di atas, pihak pengurusan universiti telah mewujudkan satu Jawatankuasa khas untuk menjayakan agenda pendidikan ini. Program Pembudayaan Al-Quran (PPAQ) mempunyai tiga objektif utama iaitu melatih warga universiti untuk celik al-Quran, memberi kefahaman tentang ayat-ayat al-Quran dan mengamalkan ajaran-ajaran al-Quran dalam kehidupan mereka. Jawatankuasa Pembudayaan Al-Quran juga diwujudkan dan berperanan untuk merancang, melaksana dan menilai keberkesanan program yang dijalankan bagi mencapai objektif yang dirancang. Program Pembudayaan Al-Quran ini meliputi kumpulan pelajar, staf akademik, staf pentadbiran dan pekerja am kontrak.

Di samping Islam juga menggalakkan supaya manusia berlumba dalam melakukan ketaatan dan amal soleh yang berterusan. Allah SWT menceritakan sikap Nabi Zakaria melalui Firman-Nya menerusi surah al-Anbiya' ayat 90:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْرِعُونَ فِي الْحَيَرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَشِيعِينَ ٩٠

Bermaksud: "...Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami." (al-Anbiyā', 17: 90)

3.2 Kelas pengajian Al-Quran bagi pekerja am kontrak

Ibrahim (t.th) dan Zulkifli et. al, (2020) menyatakan bahawa proses pembentukan sikap seseorang memerlukan tiga (3) syarat utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Faktor pengetahuan bermaksud peserta diberikan ilmu dalam usaha untuk mereka berusaha mempertingkatkan kualiti diri dan tanggungjawab diri. Faktor kemahiran pula bermaksud peserta akan dilatih tubi untuk membina kemahiran dalam membaca Al-Quran, serta memahami dan mengamalkan ajaran al-Quran. Manakala faktor motivasi pula bermaksud menerapkan semangat dan keinginan untuk terus beristiqamah dalam pembelajaran Al-Quran dan meningkatkan kualiti diri.

Ini sebagaimana Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM (PPAQ) Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, penggunaan pelbagai kaedah dalam pengajaran al-Quran penting agar murid-murid tidak berasa bosan tetapi berasa seronok sepanjang perjalanan pengajian al-Quran berlangsung. Antara kaedah pengajaran al-Quran adalah sebagaimana berikut:

i) Kaedah Talaqqi dan Musyafahah

Talaqqi dari segi istilah ialah pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka. Ia berlaku samada secara individu mahupun berkumpulan. Ia sangat membantu guru untuk menyemak bacaan pelajar di dalam kelas yang diadakan. Ini bertujuan untuk memperbaiki segala kekurangan dalam bacaan murid dan mengetahui tahap penguasaan mereka. Ini juga bagi memudahkan guru untuk membahagikan mereka ke dalam kumpulan yang sepatutnya mereka berada (Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom, 2016).

Ini selaras dengan kenyataan Abd Al-Salam Muqbil Al-Majidi (2000) bahawa talaqqi al-Quran berasal dari masdar *ilqa'* iaitu 'melontar' atau 'mencampakkan'. Manakala menurut Ibrahim et. al (2008) *talaqqi* bermaksud mengambil sesuatu yang disampaikan oleh guru. Dari segi istilah pula ialah pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka atau berhadapan. Dalam

proses pengajaran, ia berlaku sama ada guru tersebut berhadapan dengan seorang murid atau berkumpul secara bersemuka atau secara kelas. Kaedah ini berkesan kerana guru dapat mengenal pasti murid yang berkebolehan atau lemah untuk dibahagikan mengikut tahap penguasaan pengajian al-Quran masing-masing.

Kaedah *Musyafahah* pula ialah pelajar akan mengikut pergerakan bibir guru dan cuba menyebutnya sebagaimana yang guru ajarkan. Ia lebih mementingkan kepada sebutan, *makhraj* huruf, sifat huruf dan ketepatan dalam bacaan ayat al-Quran tersebut. *Musyafahah* menurut Abdullah et.al (2005) bermakna bacaan dari mulut ke mulut dengan melihat bibir guru untuk mendapatkan sebutan yang betul pada tajwid dan *makhraj* huruf.

Menurut Mohd Yusuf Ahmad (2012), *musyafahah* bermaksud guru menyebut huruf dan kalimah dalam ayat al-Quran dengan memberi penekanan kepada gerakan bibir. Murid-murid akan memerhati sebutan guru melalui pergerakan bibir guru semasa proses pengajaran seterusnya dapat mengambil contoh daripada sebutan tersebut dan mempraktikkannya dalam kehidupan.

Ini sebagaimana kaedah sunnah yang Rasulullah SAW lakukan bersama malaikat Jibril AS dalam menyampaikan wahyu daripada Allah SWT. Ia berlangsung dengan malaikat Jibril AS membaca ayat suci al-Quran dan kemudian Rasulullah SAW pula meniru bacaan tersebut dengan teliti (Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom, 2016). Jadi, kaedah Talaqqi dan *Musyafahah* merupakan kaedah yang paling asas dalam pengajian al-Quran. Melalui kaedah Talaqqi dan *Musyafahah* Talaqqi dilaksanakan melalui bersemuka atau berurusan dengan guru-guru (Abdullah, et. al., 2005).

Kementerian Pelajaran Malaysia Dan Moral (2007) menyatakan bahawa prosedur melaksanakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* merangkumi empat langkah iaitu pertama guru membaca bacaan contoh kepada seorang atau beberapa orang murid; kedua ialah murid mengikut bacaan guru; ketiga guru meminta seorang atau beberapa murid membaca di hadapan guru dan keempat ialah guru mendengar dan memberikan penilaian terhadap bacaan murid.

Melalui kaedah talaqqi dan *musyafahah*, terdapat pelbagai kelebihan, antaranya ia merupakan kaedah yang berkesan dalam mengenal pasti secara amali tahap kefahaman dan pelaksanaan murid terhadap hukum tajwid dalam bacaan al-Quran yang meliputi *makhraj-makhraj* huruf, sifat-sifat huruf dan lain-lain berkaitan tajwid. Kedua pula ialah pelajar dapat memerhati cara pergerakan bibir guru semasa sedang membaca dan dapat mengikuti cara sebutan guru dengan tepat, ketiga pula guru dapat memperbaiki dan memperbetulkan bacaan pelajar secara terus, cepat dan tepat, keempat ialah guru dapat mengenal pasti kebolehan pelajar khususnya yang mempunyai kebolehan dalam bacaan dan yang terakhir ialah pelajar dapat meningkatkan keyakinan diri (Kamaria, 2012).

Menurut Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* adalah kaedah utama yang digunakan bagi memastikan murid-murid dalam kalangan pekerja am kontrak mendapat pendidikan yang terbaik. Ini kerana kaedah ini sangat membantu murid dalam pemahaman, penyebutan, dan pengaplikasian mereka terhadap ilmu-ilmu yang berkaitan al-Quran seperti tajwid, *makhraj* huruf, sifat huruf dan sebagainya melalui contoh bacaan yang diajarkan oleh guru.

Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian mengakui akan kepentingan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* ini dalam pengajian al-Quran kerana mereka dapat belajar secara langsung dengan guru samada secara perseorangan mahupun secara berkumpulan. Dua daripada responden iaitu (Norasiah Ahmad, 27 Mac 2021) dan (Kartina Aziz, 27 Mac 2021) menyatakan bahawa sudah hampir 30 tahun mereka belajar al-Quran secara sendirian tanpa berguru dan ini menyebabkan mereka tidak dapat membaca al-Quran dengan baik dan lancar. Namun begitu, dengan bantuan guru yang mengajar, mereka semakin teruja untuk terus belajar al-Quran di kelas pengajian al-Quran di UiTM Cawangan Kelantan.

ii) Kaedah *Tasmi'*

Kaedah *tasmi'* ialah murid memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada guru. Ia sesuai digunakan untuk menyemak bacaan murid. Justeru, guru dapat memperbetulkan bacaan murid secara langsung (Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom, 2016).

Ini juga sebagaimana Kementerian Pelajaran Malaysia yang menyatakan bahawa kaedah ini dimulakan dengan guru mendengar bacaan pelajar. Kedudukan antara guru dan murid berada dalam kedudukan secara bersemuka agar guru dapat melihat cara pelajar menyebut sesuatu kalimah atau ayat. Pelajar juga diminta membaca secara nyaring bertujuan agar guru dapat mendengar bacaan pelajar seterusnya membetulkan bacaan mereka. Kaedah *tasmi'* ini juga mempunyai banyak kelebihan seperti guru dapat mengetahui dan mengesan kelemahan bacaan pelajar dalam kadar segera dan cepat. Kedua ialah guru dapat memperbetulkan bacaan pelajar dengan tepat. Ketiga ialah guru dapat mengetahui dan mengenal pasti tahap kebolehan sebenar pelajar. Keempat ialah guru dapat memastikan pelajar tidak melakukan kesalahan. Kelima ialah guru dapat mendisiplinkan pelajar dengan cara yang terbaik. Kaedah ini juga membuatkan guru mengetahui tahap penguasaan pelajar dalam pembacaan al-Quran dan ilmu-ilmu berkaitan al-Quran.

Menurut Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian Al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, kaedah *tasmik* ini dilakukan dengan meminta seorang demi seorang untuk membaca al-Quran samada di tempat duduk

masing-masing atau di hadapan guru dengan bertanya juga berkaitan ilmu al-Quran seperti hukum tajwid, tanda-tanda bacaan, dan sebagainya. Ia dapat membantu pelajar untuk memperbetulkan bacaan mereka secara langsung dengan guru dan ini membuatkan mereka dapat memperbaiki bacaan ke arah yang lebih baik di samping menambah ilmu pengetahuan mereka berkenaan al-Quran. Ia juga dapat mengikis sifat tidak yakin mereka dalam membaca al-Quran di hadapan guru.

Hasil dapatan analisis, kesemua peserta kajian menerima kaedah ini dengan baik malah mereka juga diberi pilihan membaca al-Quran samada di tempat masing-masing atau tampil memperdengarkan bacaan di hadapan guru seterusnya dapat menambah ilmu berkaitan al-Quran.

iii) Kaedah *Tikrar*

Ia bermaksud pengulangan dalam bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Nurlaila (2020) membuktikan bahawa kaedah *tikrar* ini mampu mengatasi buta huruf al-Quran sehingga membuatkan mereka yang tidak celik al-Quran menjadi celik atau tahu untuk membaca al-Quran.

Menurut Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, kaedah *tikrar* adalah penting bagi memperbaiki dan menambah baik bacaan murid. Ini kerana mereka mengulang bacaan yang tersalah tersebut beberapa kali sehinggalah mereka dapat membacanya dengan baik. Kaedah ini digunakan bagi memberikan kesedaran kepada para pembaca al-Quran agar mengambil cakna dan meneliti sebelum sesuatu ayat itu dibacakan.

Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian diarahkan oleh guru untuk mengulangi bacaan yang dibaca selagi mana mereka tidak lancar dan guru juga akan turut membantu ke arah penguasaan bacaan yang lebih baik. Jika mereka masih tidak menguasai bacaan dengan baik maka guru juga tidak akan meneruskan ke ayat yang seterusnya dan bersabar serta mendidik mereka sehinggalah mereka berjaya menyebutnya dengan baik.

iv) Kaedah Melalui Pemahaman Ayat-Ayat Yang Dibaca

Menurut Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian Al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, setiap murid diminta agar membawa buku catatan sepanjang pengajian dan guru juga memberitahu atau menceritakan berkenaan ayat-ayat yang dibaca kerana ia membantu murid mengingatnya dan berpegang kepada ajaran al-Quran yang sebenar.

Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian menyatakan bahawa tenaga pengajar sangat menekankan penulisan nota dalam

kelas pengajian al-Quran yang diajar agar mereka akan sentiasa ingat akan ajaran dan peringatan guru berkenaan ayat-ayat yang diajar.

v) Menggunakan Penulisan di Papan Putih

Menurut Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, bagi memastikan murid sentiasa fokus dengan apa yang diajarkan, maka guru juga menggunakan penulisan di papan putih. Ketika proses ini berlaku, guru dapat memastikan murid mengikuti kelas dengan baik dan boleh berinteraksi bersama guru terutama apabila terdapat perkara-perkara yang mereka ingin mendapatkan penjelasan lebih lanjut. Guru juga menggunakan penulisan di papan putih sekiranya melihat murid menghadapi kesukaran dalam memahami sesuatu perkara berkaitan pengajian al-Quran.

Hasil dapatan analisis menunjukkan kesemua peserta kajian menyatakan bahawa guru juga menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran termasuklah menggunakan papan putih dalam memberi penerangan, contohnya seperti hukum tajwid, *waqf* dan *ibtida'*, makhraj huruf dan sebagainya bagi memastikan pengajaran berkesan.

vi) Mengikut Kemampuan Murid

Penyelaras Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan merangkap tenaga pengajar kelas pengajian al-Quran kumpulan pekerja am kontrak, menjelaskan bahawa setiap murid mempunyai penguasaan yang berbeza antara satu sama lain. Jadi, bagi memastikan kelas berjalan dengan lancar dan murid juga seronok untuk meneruskan pengajian, maka guru membahagikan mereka kepada tiga kelompok iaitu kelompok pertama murid yang mempunyai penguasaan bacaan yang lemah, kedua ialah murid yang mempunyai penguasaan al-Quran yang sederhana dan yang ketiga pula ialah murid yang boleh membaca al-Quran dengan baik iaitu guru tidak banyak menegur dalam bacaan mereka.

Hasil dapatan analisis menunjukkan kesemua responden kajian menyatakan bahawa guru telah membahagikan mereka mengikut tahap penguasaan dan kemampuan mereka dalam membaca al-Quran. Menurut (Zaini Mamat, 27 Mac 2021) dan (Norasiah Ahmad, 27 Mac 2021), guru bersifat mendidik dalam pengajian Al-Quran manakala (Norazlina Che Lah, 27 Mac 2021) dan (Kartina Aziz, 27 Mac 2021) pula menyatakan guru bersifat sabar dan tidak menekan atau memaksa murid dalam pengajian al-Quran malah membantu mereka dengan memberikan contoh bacaan yang betul sehinggalah mereka mampu mengikutinya dengan baik.

3.3 Implikasi Kelas Pengajian Al-Quran Pekerja Am Kontrak

Kesemua responden kajian mengakui bahawa dengan menghadiri kelas pengajian al-Quran yang diadakan oleh UiTM Cawangan Kelantan di bawah Program Pembudayaan Al-Quran telah memberikan kesan yang baik buat mereka. Antaranya ialah:

i) Mampu Membina Keyakinan Diri

Kesemua peserta kajian menyatakan bahawa dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Kelantan membuatkan mereka lebih yakin untuk tampil membaca al-Quran dan dapat mengurangkan rasa takut dalam bacaan al-Quran. Ini terutama sekali dalam bab tajwid, makhraj huruf, sifat huruf dan sebagainya telah diberi penekanan sepanjang kelas berlangsung.

ii) Lebih Bersemangat dan Bermotivasi

Selain itu, kesemua peserta kajian juga berasa lebih bersemangat dan bermotivasi untuk terus melazimi al-Quran dalam kehidupan. Ini kerana, penerangan guru berkenaan al-Quran mampu memberi kesan yang positif kepada bacaan al-Quran dan jiwa mereka. Kesemua mereka juga menyatakan hasrat untuk terus mempelajari al-Quran di kelas pengajian al-Quran yang diadakan meskipun mereka telah khatam Al-Quran.

iii) Merasa Sebahagian Daripada Universiti

Menurut (Norasiah Ahmad, 27 Mac 2021) menyatakan bahawa beliau berasa sangat terharu dengan kelas yang diadakan untuk mereka mendalami Kitabullah di UiTM Cawangan Kelantan kerana sudah lama beliau tidak merasakan suasana kelas yang sebegitu. Di samping itu, kesemua responden juga berasa terbela dengan layanan baik dengan langkah yang diambil oleh universiti untuk terus berfungsi sebagai medan menyebarkan ilmu. Ini kerana pihak UiTM Cawangan Kelantan telah mengizinkan kelas pengajian bagi pekerja am kontrak diadakan secara percuma dengan memberi keizinan menggunakan kemudahan universiti seperti kelas berhawa dingin dengan pelbagai kemudahan yang diperlukan sebagaimana pelajar universiti.

iv) Berharap agar Usaha Murni Ini Berterusan

Kesemua peserta kajian menyatakan harapan mereka agar usaha murni yang diambil oleh UiTM Cawangan Kelantan ini iaitu dengan membuka kelas pengajian al-Quran diteruskan meskipun mereka tidak lagi bekerja di UiTM

Cawangan Kelantan. Ini kerana kelas sebegini sememangnya memudahkan mereka dalam mendapatkan guru al-Quran dan ia juga diadakan secara percuma.

v) Mampu Mengeratkan Ukhuwah Sesama Warga Universiti

Kesemua peserta kajian mengakui bahawa Program Pembudayaan Al-Quran sememangnya mampu mengeratkan hubungan sesama manusia terutama di antara staf tetap universiti dengan pekerja am kontrak. Perasaan saling melengkapi dan tolong-menolong juga dapat diwujudkan antara satu sama lain atas dasar keimanan dan ketakwaan kepada-Nya demi meninggikan lagi syiar Islam di muka bumi. Mereka juga tidak kekok untuk datang ke bilik guru apabila adanya masalah yang berlaku atau apabila ingin bertanya sesuatu terutama berkaitan dengan pengajian al-Quran.

4. Kesimpulan

Program Pembudayaan al-Quran yang dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Kelantan dilihat mampu menjadi saluran yang tepat dalam menyebarkan pengajian al-Quran dalam kalangan pekerja am kontrak. Ini kerana kesemua responden memberikan respon yang positif dengan menyatakan kesyukuran dan kegembiraan dengan inisiatif bijak yang diambil oleh UiTM Cawangan Kelantan. Mereka juga mengakui wujudnya penambahbaikan dalam bacaan Al-Quran mereka terutama melibatkan tajwid, sifat huruf, *makhraj* dan sebagainya. Pekerja am kontrak juga merasakan bahawa dengan adanya program pembudayaan al-Quran ini, kewujudan mereka dihargai oleh pihak universiti dengan penyaluran ilmu yang sememangnya penting untuk dipelajari dan diamalkan bukan sahaja di dunia tetapi juga sebagai bekalan di akhirat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abd Salam Muqbil al-Majidi. (2000). *Talaqqi al-Nabi Sallallah Alaihi wa Sallam Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut; Muassasah al-Risalah.

Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom. (2016). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Taalim, Kg. Tengah, Kluang, *Prosiding Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran, Selangor: Darul Quran Jakim*, 15-16

Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah dan peranan pendidik*. Kuala Lumpur; Dewan Pustaka Salam.

Abdullah Hafiz bin Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Basit bin Samat @ Darawi. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif : Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Penyelidikan Berkumpulan. Universiti Teknologi Malaysia; Johor.

Al-Bukhari. Abi Abdallah Muhammad bin Ismail. (2001). *Sohih al-Bukhari*. Beirut; Darul Ihya al-Turath Arabi.

<https://adoc.pub/fakulti-pendidikan-dan-bahasa-semester-mei-2012-smp-khas-hbi.html>

Ibrahim Hamd Al-Quayyid. (t.th). *Al-Adat al-Asyru li asy-Syakhsyah an-Najihah*, Riyad; Dar al-Marifah li at-Tanmiyah al-Basyariyyah.

Ibrahim Mustapha, Ahmed Hasan Zayyat Hamid Abdulqadir & Muhammad Ali Najjar. (2008). *Mukjam al-Wasit Maktaba al-Islamiyya*, Dar Ihya al-Turath al-Arabiyya. Beirut: Lebanon.

Kamaria binti Saburahim. (2012). *Pengajian Asuhan Tilawah Al-Quran 1*. Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Open University Malaysia, 13

Kementerian Pelajaran Malaysia & Moral. (2007). *Buku Panduan Kursus Pemantapan Guru-Guru J-Qaf Tahun 2007*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam. Kuala Lumpur; JAPIM KPM.

Mohd Ali Bakar. (1991). *Seni Lagu al-Quran*. Kuala Lumpur; Darul Fikr.

Mohd Micheal Abdullah. (1995). *Pemikir Kritis*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. 103

Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur; Universiti Malaya

Mohd Yusuf Ahmad. (2016). *Pendidikan Islam*. [http://pendislami.tripod.com/kaedah _al-Quran.htm](http://pendislami.tripod.com/kaedah_al-Quran.htm), 13.10.2016.

Muhyiddin Yassin. 2020. *10 asas penting tentu hala tuju negara, WKB 2030 dasar ekonomi*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/09/10-asas-penting-tentu-hala-tuju-negara-wkb-2030-dasar-ekonomi-pm-muhyiddin/>

Noraini Ahmad. (2021). Amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2021. <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/teks-ucapan-dan-slaid/2021/amanat-menteri-pengajian-tinggi-2021>

Nurlaila. (2020). Implementasi Metode TIKRAR dalam Mengatasi Buta Aksara Membaca Al-Qur'an di Desa Muara Batun Kecamatan Jejawi Kabupaten Ogan Komering Ilir, *El-Kiraas: Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, Vol 1 No 1.

Perancangan Strategik UiTM 2020-2025.

Zulkifli Mohamed, Shafiza Safie & Mohad Syafiq Hassan. (2020). Pembentukan Sikap Individu Dan Kesannya Menurut Islam. *Jurnal Penyelidikan dan Kontemporari*. 3

Peranan Program Pembudayaan Al-Quran Bagi Pekerja Am Kontrak
di UiTM Cawangan Kelantan

Temubual

Afizu bin Ariffin, Penolong, Jurutera Awam UiTM Cawangan Kelantan. Ditemu bual pada 25 Mac 2021

Kartina binti Aziz, Pekerja Am Kontrak Perkhidmatan Cuci Bangunan UiTM Cawangan Kelantan. Ditemu bual pada 27 Mac 2021

Norasiah binti Ahmad, Pekerja Am Kontrak Perkhidmatan Cuci Bangunan UiTM Cawangan Kelantan. Ditemu bual pada 27 Mac 2021

Norazlina binti Che Lah, Pekerja Am Kontrak Perkhidmatan Cuci Bangunan UiTM Cawangan Kelantan. Ditemu bual pada 27 Mac 2021

Zaini binti Mamat, Pekerja Am Kontrak Perkhidmatan Cuci Bangunan UiTM Cawangan Kelantan. Ditemu bual pada 27 Mac 2021

Zulkifli bin Mohamed, Rektor UiTM Cawangan Kelantan. Ditemubual pada 22 Mac 2021